

**SEJARAH TERJEMAHAN KARYA SASTERA
MAHUA MODEN**

BOH PHAIK EAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

SEJARAH TERJEMAHAN KARYA SASTERA MAHUA MODEN

oleh

BOH PHAIK EAN

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Doktor Falsafah**

Julai 2023

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Goh Sang Seong, selaku penyelia saya yang bermurah hati untuk berkongsi ilmu dan kepakaran beliau dengan saya sehingga membolehkan saya menjalankan kajian dan menyempurnakan tesis ini. Segala bimbingan, kesabaran, budi dan jasa beliau amatlah saya hargai. Beliau bukan sekadar seorang penyelia yang berdedikasi dan berketerampilan tinggi, malah juga merupakan seorang guru sepanjang hayat kepada saya untuk diteladani nilai-nilai murni, dan semangat perjuangan beliau dalam menyumbang bakti dan berkhidmat kepada negara.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF), satu-satunya badan profesional yang masih aktif dalam usaha menterjemah dan menerbitkan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu, dan semua responden yang sudi meluangkan masa untuk mengambil bahagian dalam kajian soal selidik dan temu bual secara sukarela. Tanpa penglibatan dan input daripada mereka, mustahil kajian ini dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Tidak dilupakan juga, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua pihak terutamanya pensyarah BATI yang menghulurkan tangan kepada saya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin memanjangkan penghargaan dan rasa syukur kepada ahli keluarga saya dan individu-individu yang sentiasa memberikan cahaya, suntikan semangat dan kekuatan kepada saya bagi menempuhi ujian dan cabaran dalam kehidupan dengan tabah. Tanpa kasih sayang, bantuan dan sokongan daripada semua pihak, tidak mungkin saya dapat menghasilkan tesis ini.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Pernyataan Masalah.....	5
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian.....	12
1.6 Kerangka Teori.....	13
1.7 Metodologi Kajian.....	15
1.8 Batasan Kajian.....	18
1.9 Kepentingan Kajian.....	19
1.10 Definisi Konsep.....	20
1.10.1 Sejarah terjemahan.....	20
1.10.2 Terjemahan sastera Mahua moden	21
1.10.3 Ejen / ejen terjemahan	22
1.10.4 Penterjemah Mahua	22
1.10.5 Bidang, kapital dan ilusio	22
1.11 Organisasi Kajian	24
BAB 2 SOROTAN KEPUSTAKAAN DAN KERANGKA TEORI	25
2.1 Pendahuluan	25
2.2 Sorotan Kepustakaan.....	25
2.2.1 Belokan dalam bidang Pengajian Terjemahan.....	26
2.2.2 Definisi dan skop sejarah terjemahan	32
2.2.3 Sejarah terjemahan bertunjangkan ejen manusia.....	43
2.2.4 Sosiologi terjemahan	51

2.2.5	Penerapan teori dan konsep sosiologi Bourdieu dalam Pengajian Terjemahan	58
2.2.6	Kajian lepas	63
2.2.7	Sastera Mahua.....	95
	2.2.7(a) Susur galur sastera Mahua lama dan sastera Mahua moden	95
	2.2.7(b) Definisi dan ciri-ciri sastera Mahua moden	102
	2.2.7(c) Terjemahan sastera Mahua moden dan kepentingannya	111
2.3	Kerangka Teori.....	114
2.3.1	Lapan objek sejarah terjemahan D'hulst (2010).....	115
2.3.2	Konsep bidang, kapital dan ilusio oleh Bourdieu (1986, 1987, 1990 & 1993).....	118
2.3.3	Lima parameter pengukuran struktur penerbitan Bourdieu (2017)	121
2.4	Rumusan.....	125
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		128
3.1	Pendahuluan	128
3.2	Definisi tentang metodologi, kaedah dan teknik	128
3.3	Kaedah dan teknik utama dalam kajian sejarah terjemahan dan sosiologi terjemahan	135
3.3.1	Teknik pengumpulan data.....	135
	3.3.1(a) Rujukan bibliografi	136
	3.3.1(b) Rujukan parateks.....	138
	3.3.1(c) Soal selidik dan temu bual	141
3.3.2	Teknik penganalisan data.....	147
	3.3.2(a) Analisis kuantitatif dan kualitatif	147
	3.3.2(b) Analisis statistik deskriptif.....	150
	3.3.2(c) Analisis bibliometrik	152
	3.3.2(d) Analisis tematik.....	158
3.4	Lima Langkah dalam Kaedah Sejarah	162
3.4.1	Pengenalpastian masalah	163
3.4.2	Pengumpulan maklumat latar belakang.....	164
3.4.3	Pengumpulan bukti atau data.....	164
	3.4.3(a) Pengumpulan data (fasa pertama)	165
	3.4.3(b) Pengumpulan bukti atau data (fasa kedua)	170
3.4.4	Penyusunan dan analisis data.....	177

3.4.4(a)	Penyusunan dan analisis data (fasa pertama)	178
3.4.4(b)	Penyusunan dan analisis data (fasa kedua)	179
3.4.5	Interpretasi terhadap dapatan atau pembuatan keputusan.....	180
3.5	Rumusan.....	180
BAB 4 TERJEMAHAN KARYA-KARYA SASTERA MAHUA MODEN		
DALAM BAHASA MELAYU, 1919-2021 183		
4.1	Pendahuluan	183
4.2	<i>Quid</i> (Apa)?.....	184
4.2.1	Penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam majalah	191
4.2.2	Penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam surat khabar	204
4.2.3	Penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam antologi	210
4.2.4	Rumusan tentang penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam majalah, surat khabar dan antologi	219
4.3	<i>Quis</i> (Siapa?)	233
4.3.1	Penterjemah	234
4.3.2	Penerbit	242
4.4	<i>Ubi</i> (Di Mana?)	249
4.5	<i>Quibus Auxiliis</i> (Apakah Jenis Sokongan)?	253
4.6	<i>Cur</i> (Mengapa)?	258
4.7	<i>Quomodo</i> (Bagaimana)?.....	270
4.8	<i>Quando</i> (Bila)?.....	272
4.9	<i>Cui Buno</i> (Apa Kesannya)?.....	285
4.10	Rumusan.....	289
BAB 5 PENCERAKINAN KEWUJUDAN BIDANG TERJEMAHAN		
KARYA SASTERA MAHUA MODEN MELALUI PENEROKAAN		
TERHADAP KAPITAL DAN ILUSIO PENTERJEMAH 304		
5.1	Pendahuluan	304
5.2	Latar Belakang Kajian Soal Selidik	305
5.3	Latar Belakang Demografi Responden	307
5.4	Analisis Kapital Ekonomi Responden.....	307
5.5	Analisis Kapital Budaya Responden	311
5.6	Analisis Kapital Sosial Responden	315
5.7	Analisis Kapital Simbolik Responden.....	320
5.8	Analisis Ilusio Responden	321

5.9	Analisis Kewujudan Bidang Terjemahan Karya Sastera Mahua Moden melalui Perkaitan antara Kapital dan Ilusio Responden.....	324
5.10	Rumusan.....	335
BAB 6 PERANAN EJEN-EJEN UTAMA DALAM PENERBITAN TERJEMAHAN KARYA SASTERA MAHUA MODEN.....		338
6.1	Pendahuluan	338
6.2	Latar Belakang Kajian.....	340
6.3	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	340
6.3.1	Status perundangan dan kewangan	341
6.3.2	Pergantungan kewangan atau komersial pada penerbit lain	344
6.3.3	Saham pasaran	345
6.3.4	Kapital simbolik.....	347
6.3.5	Kepentingan terjemahan karya sastera mahua moden.....	349
6.3.6	Analisis peranan DBP dalam penerbitan terjemahan sastera Mahua moden	350
6.4	Kumpulan Karang kraf Sdn. Bhd (Karang kraf).....	352
6.4.1	Status perundangan dan kewangan	352
6.4.2	Pergantungan kewangan atau komersial pada penerbit lain	355
6.4.3	Saham pasaran	356
6.4.4	Kapital simbolik.....	356
6.4.5	Kepentingan terjemahan karya sastera mahua moden.....	357
6.4.6	Analisis peranan Kumpulan Karang kraf Sdn. Bhd. dalam penerbitan terjemahan sastera Mahua moden.....	358
6.5	Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif (PERSPEKTIF)	359
6.5.1	Status perundangan dan kewangan	359
6.5.2	Pergantungan kewangan atau komersial pada penerbit lain	362
6.5.3	Saham pasaran	367
6.5.4	Kapital simbolik.....	368
6.5.5	Kepentingan terjemahan karya sastera Mahua moden	374
6.5.6	Analisis peranan PERSPEKTIF dalam penerbitan terjemahan sastera Mahua moden	378
6.6	Analisis peranan ejen utama dalam bidang penerbitan terjemahan sastera Mahua moden.....	382
6.7	Rumusan.....	392
BAB 7 KESIMPULAN.....		396
7.1	Pendahuluan	396
7.2	Rumusan Dapatan Kajian.....	396

7.3	Implikasi Teori dan Sumbangan Kajian.....	415
7.4	Cadangan Kajian Masa Depan	422
BIBLIOGRAFI.....		424
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Perbandingan objek kajian sejarah terjemahan Woodsworth (1998), Pym (1998) dan D'hulst (2010)..... 42
Jadual 2.2	Model analisis struktur penerbitan oleh Bourdieu (2017)..... 124
Jadual 3.1	Metrik untuk analisis prestasi..... 158
Jadual 3.2	Jenis-jenis soalan dalam borang soal selidik 172
Jadual 3.3	Tatacara menjalankan kajian sejarah 181
Jadual 4.1	Perbandingan dapatan kajian dengan bibliografi sedia ada..... 185
Jadual 4.2	Perbandingan dapatan kajian dengan bibliografi sedia ada mengikut judul..... 186
Jadual 4.3	Senarai penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam majalah, 1919-2021 193
Jadual 4.4	Taburan kekerapan terjemahan sastera Mahua moden dalam majalah mengikut genre 198
Jadual 4.5	Senarai penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam surat khabar, 1919-2021 205
Jadual 4.6	Senarai penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam antologi, 1919-2021..... 211
Jadual 4.7	Taburan kekerapan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bentuk antologi mengikut genre 214
Jadual 4.8	Perbandingan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam majalah, surat khabar dan buku, 1919-2021 220
Jadual 4.9	Terbitan ulangan terjemahan cerpen Mahua moden, 1919-2021 223

Jadual 4.10	Terbitan ulangan terjemahan puisi Mahua moden, 1919-2021	226
Jadual 4.11	Penglibatan penterjemah dalam terjemahan karya sastera Mahua moden	235
Jadual 4.12	Penglibatan penerbit dalam penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden	244
Jadual 4.13	Jenis-jenis penerbit	245
Jadual 4.14	Penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden mengikut genre dan tahun	273
Jadual 5.1	Status penyertaan penterjemah dalam kajian soal selidik	306
Jadual 6.1	Jalinan rangkaian PERSPEKTIF dengan rakan kerjasama tempatan	371
Jadual 6.2	Jalinan rangkaian PERSPEKTIF dengan rakan kerjasama luar negara	374
Jadual 6.3	Kategori buku-buku terjemahan yang diusahakan oleh PERSPEKTIF	375

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Peta Holmes dalam Chesterman (2017: 324) 2
Rajah 1.2	Tatacara kajian..... 16
Rajah 2.1	Belokan dalam Pengajian Terjemahan 29
Rajah 2.2	Subbidang dalam sejarah terjemahan 37
Rajah 2.3	Lakaran Pengajian Penterjemah oleh Chesterman (2009: 328) 46
Rajah 2.4	Perkembangan sastera Mahua 107
Rajah 3.1	Kotak alat analisis bibliometrik (Donthu et al., 2021: 288) 157
Rajah 4.1	Penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam majalah, surat khabar dan buku mengikut genre, 1919-2021 221
Rajah 4.2	Trend penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu, tahun 1919-2021 274
Rajah 4.3	Taburan kekerapan terjemahan karya Mahua moden ke dalam bahasa Melayu mengikut medium penerbitan, 1919-2021 280
Rajah 7.1	Kewujudan dan Operasi Bidang Terjemahan Karya Sastera Mahua Moden..... 411

SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
Karangkraf	Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.
PERSPEKTIF	Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Senarai terjemahan karya sastera Mahua moden/China oleh Zhuang Hua Xing (2006: 28-36)
- Lampiran B Senarai terjemahan karya sastera mahua moden oleh Yang Quee Yee (2014: 92-93)
- Lampiran C Surat kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia Universiti Sains Malaysia (JEPeM-USM)
- Lampiran D Borang soal selidik kepada responden (penterjemah)
- Lampiran E Borang soal selidik kepada responden (institusi terjemahan utama)
- Lampiran F Senarai karya tunggal dalam setiap antologi terjemahan sastera Mahua moden
- Lampiran G Maklumat pada halaman depan antologi *Perempuan Yang Memecahkan Cermin* (1977) tentang penerimaan bantuan penerbitan
- Lampiran H Maklumat pada bahagian Prakata antologi *Perempuan Yang Memecahkan Cermin* (1977) tentang penerimaan bantuan penerbitan
- Lampiran I Maklumat pada halaman depan antologi *Cerpen Pilihan Mahua* (1982) tentang penerimaan bantuan penerbitan (1)
- Lampiran J Maklumat pada halaman depan antologi *Cerpen Pilihan Mahua* (1982) tentang penerimaan bantuan penerbitan (2)
- Lampiran K Maklumat pada halaman depan antologi *Cerpen Pilihan Mahua* (1982) tentang penerimaan anugerah (1)

- Lampiran L Maklumat pada halaman depan antologi *Cerpen Pilihan Mahua (1982)* tentang penerimaan anugerah (2)
- Lampiran M Maklumat tentang penerimaan pengiktirafan daripada Umar Junus dalam *Dewan Sastera, 1(2)* terhadap usaha penterjemahan sastera Mahua moden oleh Goh Thean Chye
- Lampiran N Maklumat tentang penerimaan pengiktirafan daripada Mohomad Haji Salleh dalam *Dewan Sastera, 1(8)* terhadap usaha penterjemahan sastera Mahua moden oleh Goh Thein Chye

SEJARAH TERJEMAHAN KARYA SASTERA MAHUA MODEN

ABSTRAK

Dalam arus kemajuan dan pembangunan bidang Pengajian Terjemahan, fokus dalam bidang ini diperluas daripada tumpuan semata-mata pada tekstual dan linguistik kepada pencerapan terjemahan sebagai aktiviti yang berkaitan rapat dengan konteks sosial. Selaras dengan anjakan tersebut, kajian ini dijalankan bagi menyelusuri sejarah terjemahan karya sastera Mahua moden (iaitu sastera yang dikarang oleh penulis Cina tempatan dengan menggunakan bahasa Cina) dalam bahasa Melayu dengan memberikan penekanan dari sudut sosiologi. Kajian ini menyasarkan tiga objektif utama, iaitu pertama, untuk meneroka, mengenal pasti dan mendokumentasikan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu antara tahun 1919-2021, kedua, untuk mencerakin kewujudan bidang terjemahan tersebut melalui pengupasan terhadap faktor-faktor yang mendorong penterjemah untuk menterjemah karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu, dan ketiga, untuk menganalisis peranan ejen-ejen utama (penerbit atau persatuan) dalam bidang penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden. Bagi mencapai objektif tersebut, definisi sejarah terjemahan oleh Woodsworth (1998), serta definisi dan pengkategorian sastera Mahua moden oleh Goh Thean Chye (1975) dimanfaatkan untuk mengenal pasti data kajian; lapan objek kajian sejarah terjemahan D'hulst (2010), konsep bidang, kapital dan ilusio oleh Bourdieu (1986, 1987, 1990 & 1993) serta model analisis struktur bidang penerbitan oleh Bourdieu (2017) dimanfaatkan sebagai kerangka teori untuk analisis data. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian sejarah yang dikemukakan oleh Chu dan Ke (2017), dan mengikut lima langkah yang disyorkan oleh Connaway dan Radford (2021). Data kajian dikumpulkan melalui rujukan bibliografi, parateks, soal

selidik dan temu bual, dan dianalisis dengan memanfaatkan analisis kuantitatif dan kualitatif, analisis statistik deskriptif, analisis bibliometrik dan analisis tematik. Terjemahan karya sastera Mahua moden didapati mula diusahakan pada Disember 1960. Orang pertama yang menterjemah karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu ialah orang Cina peranakan Indonesia, Li Chih-ch'u. Antara tahun 1919-2021, sejumlah 632 buah terjemahan sastera Mahua moden yang merangkumi genre puisi, cerpen, drama dan prosa berirama diterbitkan. Hasil ini merupakan sumbangan daripada 45 orang penterjemah, dan 16 buah penerbit yang terdiri daripada penerbit agensi kerajaan/IPTA, penerbit swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan penerbit individu. Faktor utama yang mendorong para penterjemah untuk menterjemah karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu ialah misi peribadi mereka bagi menjalin interaksi dan mengeratkan perpaduan antara kaum di Malaysia melalui terjemahan. Bidang penerbitan terjemahan sastera ini terhasil daripada usaha dan kerjasama rapat antara ejen-ejen utama yang terdiri daripada tiga jenis institusi yang berbeza, iaitu (1) agensi kerajaan – Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang merupakan badan berkanun, (2) syarikat swasta – Kumpulan Karang kraf Sdn. Bhd.; dan (3) badan bukan kerajaan – Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF). Penerbitan terjemahan sastera Mahua moden tidak bertujuan untuk menjana keuntungan, sebaliknya merupakan satu tanggungjawab sosial bagi memupuk perpaduan kaum. Kewujudan terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu didapati mempunyai kaitan yang tersirat di sebalik keadaan politik dan sosial di Malaysia. Pertama, status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Kedua, kelahiran penterjemah bagi pasangan bahasa Cina-bahasa Melayu. Ketiga, fungsi terjemahan karya sastera Mahua moden sebagai alat bagi menyatupadukan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

THE HISTORY OF THE TRANSLATION OF MODERN MAHUA

LITERATURE

ABSTRACT

In the advancement and development of Translation Studies, the focus in this field has been expanded from a mere interest in textual and linguistics aspects to viewing translation as an activity closely related to social contexts. Concurring with this shift, this research is conducted to study the history of translation of modern Mahua literature into the Malay language, with an emphasis on sociological perspectives. There are three main objectives in this study; firstly, to examine the translation of modern Mahua literature into the Malay language from 1919-2021; secondly, to investigate the emergence of this field of translation by analyzing the factors that encourage translators to translate modern Mahua literature into the Malay language; and thirdly, to analyze the roles of key agents (publishers or institutions) in the publications of modern Mahua literature. To achieve these objectives, the definition of the history of translation by Woodsworth (1998) and the definition and categorization of modern Mahua literature by Goh Thean Chye (1975) were utilized to identify the research data. On the other hand, D'hulst's eight objects of translation history (2010), Bourdieu's concept of field, capital and *illusio* (1986, 1987, 1990 & 1993) and Bourdieu's structural analysis model of the publication field (2017) were utilized as the theoretical framework for data analysis. This study was conducted using the historical research method proposed by Chu and Ke (2017), adhering to the five steps recommended by Connaway and Radford (2021). The research data were collected via bibliographic references, paratexts, questionnaires and interviews, then analyzed using quantitative and qualitative analysis, descriptive statistical analysis,

bibliometric analysis and thematic analysis. It was found that modern Mahua literature was first translated into Malay in December 1960 by a Peranakan Chinese Indonesian, Li Chih-ch'u. Between 1919-2021, a total of 632 translations of modern Mahua literature were published, encompassing genres of poetry, short story, drama, and rhymed prose. This accomplishment was the combined effort of 45 translators and 16 publishers from government agencies/public higher education institutions (IPTA), private publishers, non-governmental organizations (NGOs), and individual publishers. The main factor which motivated translators to translate modern Mahua literature into the Malay language was their personal mission to establish interactions and reinforce solidarity among races in Malaysia through translation. These publications of literary translations were made possible through the joint effort and close collaboration between key agents from three different institutions, namely, (1) a government agency – Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), a statutory organization, (2) a private company – Kumpulan Karangraf Sdn. Bhd; and (3) a non-governmental organization – The Association of Translation and Creative Writing Malaysia (PERSPEKTIF). The publication of translated modern Mahua literature is not intended to be a profit-making business, but rather a social responsibility to foster unity between races. The emergence of Malay translations of modern Mahua literature was found to be implicitly related to the social and political circumstances in Malaysia, which are (1) the status of the Malay language as the national and official language, (2) the emergence of Chinese-Malay translators and (3) the function of modern Mahua literary translations as a tool to unite multiracial Malaysians.

BAB 1

Pengenalan


1.1 Pendahuluan

Bab ini memberikan gambaran keseluruhan yang mendasari kajian tentang sejarah terjemahan karya sastera Mahua moden daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu dalam tempoh tahun 1919-2021. Perbincangan dalam Bab ini merangkumi sembilan subtopik utama, iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, metodologi kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan organisasi kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Terjemahan merupakan aktiviti yang sudah lama dipraktikkan sejak dahulu kala, tetapi hanya mula berkembang sebagai satu disiplin akademik pada pertengahan abad ke-20. Sebelum itu, terjemahan sering kali dikaitkan dengan pembelajaran bahasa (Munday, 2016: 13-14). Berikutan gagasan yang dikemukakan oleh Holmes dalam kertas kerja beliau, "*The Name and Nature of Translation Studies*" yang dibentangkan pada tahun 1972 dan tersebar luas mulai tahun 1988, disiplin ini kini dikenali umum sebagai "Pengajian Terjemahan" (Munday, 2016: 11). Dalam hal ini, Bassnett (1980: 1) menegaskan Pengajian Terjemahan merupakan disiplin yang tersendiri dan bukan sekadar cabang kecil bagi kajian sastera perbandingan atau bidang linguistik tertentu. Pengajian Terjemahan merupakan satu bidang pengajian yang sangat rumit dan merangkumi cabang ilmu yang pelbagai.

Secara umumnya, Holmes (2004: 180-192) membahagikan Pengajian Terjemahan kepada dua bidang utama, iaitu terjemahan tulen dan terjemahan terapan. Setiap bidang ini dipecahkan lagi kepada beberapa subbidang. Rajah 1.1 menunjukkan “Peta Holmes” yang dilakarkan oleh Chesterman (2017: 324) bagi menggambarkan struktur Pengajian Terjemahan yang dikemukakan oleh Holmes (1998) secara menyeluruh.



Rajah 1.1 Peta Holmes dalam Chesterman (2017: 324)

Menurut Holmes (2004: 184), Pengajian Terjemahan Tulen mempunyai dua objektif utama, iaitu yang pertama untuk menerangkan fenomena penterjemahan dan terjemahan hasil daripada pengalaman penterjemah, dan yang kedua untuk mewujudkan prinsip-prinsip am yang boleh diterangkan dan dijangkakan berdasarkan fenomena-fenomena ini. Pengajian Terjemahan Tulen pula terbahagi kepada Pengajian Terjemahan Teoritis dan Pengajian Terjemahan Deskriptif. Dalam Pengajian Terjemahan Teoritis, fokus tidak diberikan terhadap penerangan terjemahan yang sedia ada, pemerhatian fungsi terjemahan atau penentuan proses terjemahan

melalui eksperimen; sebaliknya, hasil yang diperoleh daripada Pengajian Terjemahan Deskriptif bersama-sama dengan maklumat tersedia daripada bidang dan disiplin yang berkaitan dimanfaatkan bagi menghasilkan prinsip, teori dan model yang boleh digunakan bagi menerangkan dan menjangkakan terjemahan (Holmes, 2004: 185). Dengan erti kata lain, dapat dirumuskan bahawa Pengajian Terjemahan Deskriptif merupakan asas yang menyokong pembangunan Pengajian Terjemahan Teoritis.

Dalam Pengajian Terjemahan Deskriptif, terdapat tiga jenis kajian utama yang dibezakan melalui fokus, iaitu kajian berorientasikan produk, fungsi dan proses. Holmes (2004: 185) mengutarakan bahawa kajian dalam Pengajian Terjemahan Deskriptif yang berorientasikan fungsi (*function-oriented DTS*) menekankan penerangan fungsi terjemahan dalam situasi sosiobudaya penerima, iaitu pengajian terhadap konteks dan bukannya teks. Antara perkara yang diteliti termasuklah teks yang diterjemahkan (atau tidak diterjemahkan) pada tempoh tertentu atau di tempat tertentu serta pengaruh yang terhasil. Tambah Holmes (2004: 185), bidang penyelidikan ini kurang diberikan perhatian dibandingkan dengan bidang penyelidikan yang lain, malahan selalunya diperkenalkan sebagai subtema atau tema balas (*counter-theme*) dalam sejarah terjemahan dan sejarah kesusasteraan. Lantaran itu, Holmes (2004: 185) menjangkakan bahawa penekanan yang lebih besar dalam bidang ini akan menghasilkan pembangunan dari segi sosiologi, melalui pernyataan yang berikut:

“Greater emphasis on it could lead to the development of a field of translation sociology for (or – less felicitous but more accurate, since it is a legitimate area of translation studies as well as of sociology – socio-translation studies).”

Berdasarkan pernyataan Holmes (2004), kajian dalam Pengajian Terjemahan Deskriptif yang berorientasikan fungsi mengkaji kemunculan sesuatu terjemahan dengan mengambil kira konteks masa, tempat dan pengaruh yang terhasil. Kajian

sedemikian terangkum dalam bidang sejarah terjemahan pada peringkat awal, tetapi Holmes pada ketika itu sudah meramalkan bahawa tumpuan yang lebih teliti dalam bidang ini akan mendatangkan pembangunan dari aspek sosiologi.

Santoyo (2006: 11-12), sarjana terjemahan yang mengkhusus dalam bidang pembangunan Pengajian Terjemahan mendedahkan bahawa sejarah terjemahan didapati mula berkembang sejak pertengahan 1960-an apabila Mounin menerbitkan buku *“Teorie e Storia della Traduzione”* (Teori dan Sejarah Terjemahan) dalam bahasa Itali buat julung-julung kali pada tahun 1965. Berdasarkan hal ini, beliau membetulkan pernyataan yang dikemukakan oleh Bassnett & Lefevere (1988) seperti yang berikut:

“... as Bassnett and Lefevere wrote a few years ago (1988:1), “History ... is one of the things that happened to Translation Studies since the 1970s.” I would even correct that statement, and say “since the mid-1960s”, for it was in 1965 that Georges Mounin published in Italian his Teoria e Storia della Traduzione.”

Bastin dan Bandia (2006: 1-2) pula menyatakan bahawa aktiviti yang berkaitan dengan sejarah terjemahan makin popular sejak 30 tahun yang lalu. Para penyelidik dalam bidang Pengajian Terjemahan berusaha gigih untuk memperjuangkan kedudukan sejarah terjemahan. Banyak sekali makalah, tesis, monograf, bibliografi dan antologi tentang sejarah terjemahan diterbitkan; pelbagai simposium, persidangan, dan kongres yang bertemakan sejarah terjemahan dianjurkan; banyak jurnal dan koleksi khas yang berkaitan dengan sejarah terjemahan juga dihasilkan.

Dari segi kemunculan dan perkembangan bidang sosiologi terjemahan pula, Buzelin (2013: 186) memberikan maklumat bahawa sosiologi berkembang sebagai satu disiplin empirik pada penghujung abad ke-19 dan berkembang secara drastik pada abad ke-20. Terjemahan mengambil masa yang lama untuk menjadi objek yang

mendapat perhatian dalam bidang sosiologi. Begitu juga dengan perspektif sosiologi dalam Pengajian Terjemahan yang hanya muncul sejak kebelakangan ini walaupun asasnya sudah bertapak pada peringkat awal perkembangan disiplin tersebut melalui teori polisistem dan ‘kumpulan manipulasi’. Jelas Buzelin (2013: 186) lagi, pembangunan sosiologi terjemahan secara sistematik bermula pada peralihan abad ke-21.

Berdasarkan pengenalan ringkas ini, Pengajian Terjemahan kelihatan berkembang maju dan pesat seiring dengan pembangunan bidang ini sebagai satu disiplin akademik. Struktur Pengajian Terjemahan yang dibangunkan oleh Holmes (2004) menjadi batu asas kepada penyelidik terkemudian untuk terus mengembangkan bidang berkaitan sehingga kini. Kedua-dua bidang sejarah terjemahan dan sosiologi terjemahan berkembang sebagai disiplin yang tersendiri bawah payung Pengajian Terjemahan, dan juga saling melengkapi. Lantaran itu, semakin banyak sarjana dan penyelidik menyedari bahawa terjemahan merupakan aktiviti yang bukan sahaja berkait rapat, malah dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial. Oleh hal yang demikian, aspek sosiologi semakin diberikan tumpuan dalam kebanyakan kajian tentang sejarah terjemahan, terutamanya ejen manusia, seperti penterjemah, penerbit dan institusi terjemahan yang terlibat secara langsung dalam penghasilan terjemahan.

1.3 Pernyataan Masalah

Dam (2013: 16) memberikan maklumat bahawa Pengajian Terjemahan berkembang sebagai bidang pengajian yang tersendiri secara beransur-ansur sejak empat dekad yang lalu, dan dalam tempoh yang singkat ini, penerbitan tentang terjemahan semakin meningkat. Kepustakaan tentang terjemahan memberikan fokus kepada produk dan proses terjemahan. Akan tetapi, penterjemah, iaitu orang yang menghasilkan teks

terjemahan dan yang terlibat dalam proses terjemahan kurang diberikan perhatian. Walau bagaimanapun, berikutan belokan sosiologi dalam bidang Pengajian Terjemahan, semakin banyak perhatian diberikan terhadap penterjemah sebagai kumpulan sosial dan profesional, iaitu kecenderungan baharu yang memfokuskan orang yang menghasilkan teks dan menganggap golongan ini sebagai ejen sosial. Tambah Dam (2013: 17) lagi, kajian yang dilakukan baru-baru ini berkaitan dengan penterjemah dalam masyarakat dan memberikan perhatian terhadap isu seperti status penterjemah, keadaan kerja, identiti, imej awam dan imej diri penterjemah, rangkaian penterjemah, tanggapan peranan, hubungan kuasa dan sebagainya.

Menurut Bastin dan Bandia (2006: 1-2), kerja-kerja penyelidikan tentang sejarah terjemahan yang dijalankan pada peringkat awal bersifat deskriptif serta mengisahkan peristiwa dan fakta sejarah. Namun demikian, fokus penyelidikan sejak kebelakangan ini beralih kepada interpretasi terhadap peristiwa dan fakta melalui pembangunan metodologi berasaskan historiografi. Terjemahan kini bukan sahaja dikaitkan dengan tema seperti kelainan (*otherness*), ideologi dan kuasa, malah penterjemah turut diteliti dan dijadikan sebagai subjek dalam penyelidikan tentang sejarah terjemahan. Penterjemah perlu dijadikan sebagai subjek penyelidikan bagi menghidupkan sejarah (Bastin dan Bandia, 2006: 1-2). Munday (2016: 236) yang sependapat dengan mereka turut menyatakan bahawa kajian tentang penterjemah dan sifat sosial terjemahan menjadi tumpuan dalam penyelidikan Pengajian Terjemahan pada alaf baharu. Perkembangan ini termasuklah peningkatan penyelidikan historiografi terjemahan secara drastik, dan yang paling ketara melibatkan pembangunan sosiologi terjemahan secara serentak.

Berdasarkan perkembangan yang dikemukakan oleh Dam (2013), Bastin dan Bandia (2006) dan Munday (2016), ternyata bahawa tumpuan dan kecenderungan

baharu yang menitikberatkan aspek sosial dalam bidang Pengajian Terjemahan secara umumnya, dan dalam bidang sejarah terjemahan secara khususnya tercetus berikutan anjakan tafsiran terjemahan sebagai aktiviti yang dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial. Lantaran itu, aspek sosiologi semakin mendapat perhatian serius dalam kebanyakan kajian tentang sejarah terjemahan, terutamanya ejen manusia yang terlibat dalam amalan terjemahan. Dengan erti kata lain, kajian sejarah terjemahan bukan hanya dijalankan dengan konvensi lazim, iaitu melaporkan peristiwa sejarah semata-mata; sebaliknya, kajian sejarah terjemahan juga perlu mempertimbangkan aspek sosiologi dengan memberikan tumpuan kepada ejen manusia, khususnya penterjemah.

Bersangkut paut dengan perkara ini, salah satu prinsip yang digariskan oleh Pym (1998: xxiii-xxiv) ialah fokus dalam kajian sejarah terjemahan mestilah terletak pada penterjemah dan bukannya teks terjemahan, sistem kontekstual atau ciri linguistik. Pym (1998: 5) mengklasifikasikan sejarah terjemahan kepada tiga subbidang, iaitu arkeologi terjemahan, kritikan sejarah dan penerangan. Arkeologi terjemahan ialah perbincangan yang menjawab semua atau sebahagian soalan tentang siapa menterjemahkan apa, bagaimana, di mana, bila, untuk siapa dan apa kesannya. Kritikan sejarah ialah perbincangan tentang cara terjemahan mendorong atau menghalang kemajuan. Penerangan pula mengulas tentang kewujudan artifak arkeologi dan hubung kaitnya dengan perubahan. Berdasarkan pernyataan berikut yang dikemukakan oleh Pym (1998: 5-6),

“Translation archaeology is a set of discourses concerned with answering all or part of the complex question ‘who translated what, how, where, when, for whom and with what effect?’ It can include anything from the compiling of catalogues to the carrying out of biographical research on translators. The term ‘archaeology’ is not meant to be pejorative here, nor does it imply any particular Foucauldian revelations. It simply denotes a fascinating field that often involves complex detective work, great self-sacrifice and very real service to other areas of translation history.”

dapat dirumuskan bahawa kerja-kerja yang dilakukan dalam kajian arkeologi terjemahan seperti penyusunan katalog atau kajian biografi terhadap penterjemah adalah amat penting dan berfungsi sebagai asas bagi penyelidikan lain yang berkaitan dengan sejarah terjemahan. Tanpa maklumat asas seperti, “siapa menterjemah apa”, “bagaimana”, “di mana”, “bila”, “untuk siapa” dan “dengan kesan apa”, kajian lanjut tentang sejarah terjemahan tidak dapat dilakukan. Walau bagaimanapun, kajian arkeologi terjemahan tidak boleh hanya berhenti pada kegiatan pengumpulan dan perekodan karya terjemahan. Penerokaan mendalam terhadap faktor-faktor yang menyebabkan kemunculan terjemahan tertentu, dorongan dan kekangan dalam penghasilan dan penerbitan terjemahan, kriteria pemilihan teks untuk diterjemahkan, kesan yang terhasil dan perkara lain yang bersangkutan-paut perlu dijalankan. Hal ini adalah selaras dengan pendapat Li De Chao (2007: viii) bahawa sejarah terjemahan perlu mengelakkan penyenaian yang semata-mata merekodkan peristiwa sejarah. Jelas Li De Chao (2007: viii), hal ini kerana penyenaian seumpama itu bukan sahaja kekurangan isi penting, malah tidak membincangkan sebab berlakunya sesuatu peristiwa dengan mendalam.

Kajian sejarah terjemahan yang dijalankan oleh penyelidik luar negara seperti Goell (1968), Czigány (1969), Healey (1998), Gouanvic (2005), Linn (2006), Raine (2014), Xiaoyan Zhou dan Sanjun Sun (2017), Hur dan Yi (2017), dengan memberikan penekanan dari aspek sosiologi, misalnya Haag (2009), Paloposki (2013), Leppänen (2013), Raine (2014), de Vicente Capua dan Henningsgaard (2021), Alvstad (2003), Gouanvic (2005, 2010). Dalam hal ini, didapati bahawa kajian yang dijalankan oleh penyelidik dalam negara seperti Yoong S.K. & Zainab A.N. (2002, 2004), Raja Masittah Raja Ariffin (2003, 2008a, 2008b), Goh Sang Seong (2015), Haslina Haroon dan Melati Abdul Majid (2015), Sumaiyah Maktar dan Idris Mansor (2018) didapati

lebih menjurus kepada pendokumentasian karya terjemahan. Kajian-kajian lepas tersebut menampakkan usaha penyelidik tempatan dalam mengorak langkah untuk menjalankan kerja-kerja dalam penyelidikan arkeologi terjemahan. Walau bagaimanapun, analisis hanya dibuat berdasarkan data yang diperoleh melalui pendokumentasian dan rujukan bibliografi terjemahan atau biografi penterjemah yang sedia ada. Kelihatan masih tiada kajian yang mendalami faktor-faktor kemunculan karya terjemahan tertentu berdasarkan kajian terhadap ejen manusia, khususnya melalui kaedah soal selidik atau temu bual. Dengan erti kata lain, kajian-kajian tempatan yang terdahulu tidak melibatkan ejen manusia secara langsung yang sememangnya merupakan aspek yang amat penting untuk dikaji. Lompang dalam kajian sejarah terjemahan ini wajar diisi.

Ekoran daripada itu, pengkaji berhasrat untuk mengkaji sejarah terjemahan sastera Mahua moden 1919-2021 ke dalam bahasa Melayu atas beberapa faktor. Pertama, kajian tentang sejarah terjemahan karya sastera Mahua moden tidak pernah dikaji oleh mana-mana satu pihak. Kedua, senarai terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu yang sedia ada didapati tidak lengkap. Zhuang Hua Xing (2006: 28-36) menyenaraikan buku terjemahan karya sastera daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu yang dihasilkan selepas pascaperang, termasuk sastera China dan sastera Mahua moden mengikut susunan kronologi dari tahun 1961 sehingga 2004 (Lampiran A). Sementara itu, Yang Quee Yee (2014: 92-93) menyenaraikan sebanyak 12 buah buku terjemahan sastera Mahua moden yang diterbitkan dari tahun 1975 sehingga 1994 dengan menurunkan maklumat judul dan nama penterjemah sahaja (Lampiran B). Rekod yang sedia ada hanya sampai tahun 2004. Lebih-lebih lagi, senarai penerbitan tersebut didapati tidak lengkap dan hanya terbatas pada penerbitan dalam bentuk buku sahaja. Terjemahan yang diterbitkan

dalam medium lain tidak disenaraikan oleh mana-mana penyelidik. Nyata sekali, tiada rekod menyeluruh yang mencatatkan penerbitan terjemahan sastera Mahua moden di Malaysia. Lompang ini membuka jalan kepada kajian ini.

Tambahan pula, penyelidikan tentang sejarah terjemahan yang dijalankan di luar negara mahupun di dalam negara adalah berkaitan dengan penelitian terhadap terjemahan yang melibatkan pasangan bahasa asing atau terjemahan karya luar negara. Sebaliknya, karya sastera Mahua moden ialah karya sastera dalam bahasa Cina Malaysia yang dikarang oleh penulis Cina tempatan dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk pembaca tempatan. Hal ini bermakna kajian yang dijalankan terhadap sejarah terjemahan karya sastera Mahua moden dijangkakan akan menghasilkan dapatan kajian yang menarik dan luar biasa sepertimana konsep ‘telos’ yang dikemukakan oleh Chesterman (2017: 326) melalui pernyataan berikut:

“We have become accustomed to use the term “Skopos” to denote the intended effect of a translation. We might also make use of the companion term “telos” to denote the personal motivation of translators. This would include the reasons why they work in this field in general, and also the reasons why they translate a given text. Voluntary translators, in particular, such as activist translators, may have teloi that are specially interesting. Sociological work on the teloi of translators (and of course interpreters) might make worthwhile contributions to a better understanding of their attitudes and personal goals and ethics, and how these are realized in what and how they translate.”

Berdasarkan pernyataan Chesterman (2017) ini, memang terdapat perbezaan motivasi antara penterjemah yang menterjemahkan karya sastera tempatan dan penterjemah yang menterjemahkan karya sastera luar negara. Perkara ini menarik minat pengkaji untuk mengkaji kewujudan bidang terjemahan sastera Mahua moden melalui penerokaan terhadap faktor-faktor yang mendorong seseorang penterjemah untuk menterjemah karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu.

Di samping itu, kajian ini juga akan mengambil langkah tambahan bagi menganalisis peranan yang dimainkan oleh institusi terjemahan utama dalam bidang penterjemahan dan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu.

Berdasarkan lompang kajian yang diperhatikan dan dikenal pasti, diyakini bahawa kajian tentang sejarah terjemahan karya sastera Mahua moden – yang membentuk sebahagian daripada sejarah terjemahan di Malaysia – perlu dijalankan bagi memberikan gambaran yang komprehensif tentang suasana terjemahan bahasa Cina-bahasa Melayu dalam negara sekali gus menghasilkan rujukan dan panduan yang boleh dimanfaatkan semasa membangunkan dasar dan polisi terjemahan di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan menyorot sejarah terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu dari tahun 1919 sehingga 2021, dengan mengambil kira konteks sosiologi, iaitu melalui penglibatan ejen manusia dan institusi terjemahan yang terlibat dalam bidang terjemahan ini. Sehubungan dengan itu, objektif pertama kajian ini adalah untuk meneliti terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu yang dihasilkan dan diterbitkan antara tahun 1919 – 2021 sebagai data asas.

Untuk mendalami kajian sejarah terjemahan, kajian ini mencerakin kewujudan bidang terjemahan sastera Mahua moden melalui penerokaan terhadap faktor-faktor yang mendorong penterjemah (ejen manusia) untuk melibatkan diri dalam bidang terjemahan karya sastera Mahua moden. Di samping itu, kajian ini turut menganalisis peranan institusi terjemahan utama dalam bidang terjemahan karya sastera Mahua moden. Secara spesifiknya, kajian ini menyasarkan tiga objektif yang berikut:

- (i) Meneroka, mengenal pasti dan mendokumentasikan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu antara tahun 1919-2021.
- (ii) Mencerakin kewujudan bidang terjemahan sastera Mahua moden melalui penerokaan terhadap kapital dan ilusio penterjemah [yang dikenal pasti dalam objektif pertama (i)] untuk menterjemah karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu.
- (iii) Menganalisis peranan institusi, iaitu penerbit atau persatuan utama [yang dikenal pasti dalam objektif pertama (i)] dalam bidang penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian yang dinyatakan dalam Bahagian 1.4, persoalan kajian berikut dikemukakan:

- (i) Apakah yang diterjemahkan, siapakah yang terlibat, di mana terjemahan itu diterbitkan, apa jenis sokongan yang diberikan, mengapa dan bagaimana terjemahan itu dihasilkan, bilakah terjemahan itu dihasilkan, serta apa kesan yang terhasil daripada terjemahan tersebut?
- (ii) Bagaimanakah penterjemah [yang dikenal pasti dalam persoalan kajian pertama (i)] terdorong untuk menterjemah karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu?
- (iii) Apakah peranan yang dimainkan oleh institusi, iaitu penerbit atau persatuan utama [yang dikenal pasti dalam persoalan kajian pertama (i)] dalam bidang penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden?

1.6 Kerangka Teori

Kajian ini memanfaatkan kerangka teori berikut secara eklektik. Bagi mencapai objektif pertama, definisi sejarah terjemahan oleh Woodsworth (1998) serta definisi dan pengkategorian sastera Mahua moden oleh Goh Thean Chye (1975) dimanfaatkan untuk mengenal pasti data kajian. Di samping itu, lapan objek sejarah terjemahan oleh D'hulst (2010) digunakan untuk analisis data. Penerangan lanjut adalah seperti yang berikut:

(i) Definisi sejarah terjemahan oleh Woodsworth (1998)

Woodsworth (1998: 101) mengemukakan bahawa sejarah terjemahan merujuk amalan atau teori, atau kedua-duanya. Sejarah tentang amalan terjemahan adalah berkenaan dengan persoalan seperti “apa yang telah diterjemahkan, oleh siapa, bawah keadaan apa, dan dalam konteks sosial atau politik apa”. Sejarah tentang teori pula adalah berkaitan dengan persoalan tentang “apakah ulasan penterjemah tentang hasil terjemahan mereka, bagaimanakah terjemahan dinilai dalam tempoh berlainan, apakah jenis cadangan yang diberikan oleh penterjemah, atau bagaimanakah terjemahan diajarkan, dan bagaimanakah wacana ini berkaitan dengan wacana lain dalam tempoh yang sama”. Kajian yang dijalankan mengkhusus pada sejarah tentang amalan terjemahan.

(ii) Definisi dan pengkategorian sastera Mahua moden oleh Goh Thean Chye (1975)

Goh Thean Chye (1975) menegaskan bahawa sastera Mahua moden ialah sastera yang dikarang menggunakan bahasa Cina vernakular yang memiliki pemikiran, semangat dan kesedaran baharu yang wujud di Malaya (termasuk Singapura dan Borneo). Jelas beliau lagi, terdapat

dua sebab utama yang mewujudkan sastera Mahua moden, iaitu pertama, terpengaruh secara langsung akibat Gerakan Sastera Baharu 4 Mei di China, kedua, orang-orang Cina tempatan memerlukan satu bentuk sastera yang bersesuaian untuk meluahkan dan menyampaikan harapan mereka melalui penulisan karya menggunakan bahasa Cina vernakular. Beliau mengelaskan sastera Mahua moden kepada genre puisi, prosa, cerpen, novel, dan drama.

(iii) Lapan objek sejarah terjemahan oleh D'hulst (2010)

D'hulst (2010) menyenaraikan lapan objek untuk dikaji dalam kajian sejarah terjemahan, iaitu *quis* (siapa), *quid* (apa), *ubi* (di mana), *quibus auxiliis* (apa jenis sokongan), *cur* (mengapa), *quomodo* (bagaimana), *quando* (bila), *cui bono* (apa kesannya). Kesemua lapan objek sejarah terjemahan tersebut dimanfaatkan bagi mengumpulkan dan menganalisis data berkaitan.


Bagi mencapai objektif kedua, konsep bidang, kapital dan ilusio oleh Bourdieu (1986, 1987, 1990 & 1993) dimanfaatkan. Konsep bidang, kapital dan ilusio yang digagaskan oleh Bourdieu dimanfaatkan sebagai asas bagi mengkaji, menganalisis dan merumuskan faktor-faktor yang mendorong penterjemah untuk melakukan terjemahan karya sastera Mahua moden. Bidang (*field*) ialah ruang sosial, atau dengan erti kata lain, dunia sosial terbina daripada bidang, dan kepelbagaian bentuk kapital adalah penting untuk operasi dalam mana-mana satu bidang. Kapital merujuk sumber yang dimiliki oleh individu untuk bertindak dalam latar sosial yang berbeza. Bourdieu mengelaskan kapital kepada dua jenis utama, iaitu kapital ketara dan kapital tidak ketara. Kapital ketara merujuk kapital ekonomi, iaitu wang dan aset kebendaan lain. Kapital tidak ketara merangkumi kapital sosial (rangkaiannya), kapital budaya

(pendidikan, pengetahuan) dan kapital simbolik (status yang dapat diperoleh atau diberikan kepada seseorang individu). Ilusio pula merupakan sebab dan sesuatu yang memotivasikan seseorang individu untuk bersaing bagi mendapatkan kapital dan kedudukan dalam bidang.

Dalam pada itu, model analisis struktur bidang penerbitan oleh Bourdieu (2017) dimanfaatkan bagi mencapai objektif ketiga. Lima parameter yang akan digunakan adalah sepertimana yang digagaskan oleh Bourdieu (2017: 7-8), iaitu 1) status perundangan dan kewangan, 2) pergantungan kewangan atau komersial pada penerbit lain, 3) pengaruh dalam pasaran, 4) kapital simbolik (berdasarkan antikuiti, lokasi dan Hadiah Nobel, dan 5) kepentingan terjemahan kesusasteraan negara asing, dimanfaatkan.

1.7 Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan berpandukan kaedah kajian sejarah yang dikemukakan oleh Chu dan Ku (2017: 289), iaitu kaedah sejarah melibatkan pengumpulan data dengan meneliti, mensintesis, merumuskan dan mentafsirkan bahan yang diterbitkan dan bahan yang tidak diterbitkan yang berkaitan dengan masalah kajian sejarah. Seajar dengan itu, lima langkah bagi menjalankan kajian sejarah yang disyorkan oleh Connaway dan Radford (2021) dimanfaatkan dalam kajian ini, seperti yang disenaraikan dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2 Tatacara kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan dengan mengikut lima langkah yang dikemukakan oleh Connaway dan Radford (2021) bagi menjalankan kajian sejarah. Sebagai langkah pertama, pengkaji terlebih dahulu mengenal pasti masalah yang mempunyai nilai kepentingan dari segi sejarah. Seterusnya, langkah kedua melibatkan usaha pengumpulan maklumat latar belakang. Kedua-dua langkah tersebut dicapai melalui sorotan kepustakaan.

Langkah ketiga, iaitu pengumpulan bukti atau data, terbahagi kepada dua fasa. Dalam fasa pertama, teknik rujukan bibliografi yang sedia ada dan rujukan parateks dimanfaatkan untuk mengumpulkan dan merekodkan terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu dari tahun 1919 hingga 2021. Dalam fasa kedua pula, teknik soal selidik dan temu bual masing-masing digunakan untuk mengumpulkan data daripada penterjemah dan institusi terjemahan utama (responden) yang dikenal pasti pada fasa pertama.

Kajian disusuli dengan langkah keempat yang memerlukan penyusunan dan penganalisan data. Data yang diperolehi dalam fasa pertama disusun dan dianalisis berpandukan lapan objek kajian sejarah terjemahan (siapa, apa, di mana, apa jenis

sokongan, mengapa, bagaimana, bila, apa kesannya) yang dikemukakan oleh D'hulst (2010). Teknik analisis data yang dimanfaatkan ialah teknik analisis bibliometrik, analisis statistik deskriptif. Dalam fasa kedua pula, data-data yang diperoleh disusun dan dianalisis dengan menggunakan teknik analisis tematik.

Dalam langkah terakhir, interpretasi terhadap data yang diperoleh pada fasa pertama dibuat dengan memanfaatkan satu set objek kajian sejarah oleh D'hulst (2010). Sementara itu, data yang diperoleh pada fasa kedua dianalisis dan dirumuskan berlandaskan hubungan antara konsep bidang dengan empat jenis kapital, iaitu kapital ekonomi, budaya, sosial dan simbolik yang diutarakan oleh Bourdieu (1986, 1987, 1990 & 1993). Di samping itu, model analisis struktur bidang penerbitan yang dikemukakan oleh Bourdieu (2017) melalui 1) status perundangan dan kewangan, 2) pergantungan kewangan atau komersial pada penerbit lain, 3) pengaruh dalam pasaran, 4) kapital simbolik (berdasarkan antikuiti, lokasi dan Hadiah Nobel, dan 5) kepentingan terjemahan kesusasteraan negara asing dimanfaatkan untuk menganalisis peranan yang dimainkan oleh institusi terjemahan utama dalam bidang terjemahan sastera Mahua moden.

Disebabkan perbincangan tentang metodologi kajian ini bersifat rencam, kaedah dan teknik-teknik (untuk pengumpulan, penyusunan dan analisis data) yang dimanfaatkan bagi menjalankan kajian ini dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Bab 3.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini menelusuri sejarah terjemahan karya sastra Mahua moden ke dalam bahasa Melayu dari tahun 1919 sehingga 2021. Skop pertama, melibatkan pendokumentasian terjemahan karya sastra Mahua moden; skop kedua, melibatkan kajian tentang kemunculan bidang terjemahan karya sastra Mahua moden melalui penerokaan terhadap faktor-faktor yang mendorong penterjemah untuk menterjemah karya sastra Mahua moden ke dalam bahasa Melayu. Skop ketiga, mengkaji kedudukan institusi utama dalam bidang terjemahan karya sastra Mahua moden.

Untuk skop pertama, kajian ini terbatas pada pendokumentasian terjemahan karya sastra Mahua moden ke dalam bahasa Melayu dari tahun 1919 sehingga 2021, dalam semua bentuk yang masih wujud simpanannya dan dapat ditemui oleh pengkaji. Dalam hal ini, sastra kanak-kanak Mahua dikecualikan kerana sastra kanak-kanak ialah cabang yang berlainan, seperti yang diterangkan dalam bahagian 2.11. Sastra Mahua lama (rujuk bahagian 2.10), dan sastra lain yang juga ditulis dalam bahasa Cina, seperti sastra *Xinhua* (sastra Cina Singapura), sastra China dan sastra Taiwan tidak dikaji. Di samping itu, kajian ini hanya mengkaji terjemahan karya sastra Mahua moden dalam bahasa Melayu. Versi terjemahan sastra Mahua moden dalam bahasa lain, seperti bahasa Inggeris, bahasa Jepun dan bahasa lain dikecualikan daripada kajian ini.

Untuk skop kedua, kajian soal selidik hanya dijalankan terhadap penterjemah yang masih hidup, dapat dihubungi dan sudi untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Selain itu, bidang kajian sejarah terjemahan lain, seperti teori terjemahan, proses terjemahan dan aspek lain dari segi linguistik dan budaya teks bahasa sumber dengan bahasa sasaran, serta pembaca sasaran tidak dikaji.

Untuk skop ketiga pula, kajian soal selidik hanya disasarkan kepada institusi terjemahan utama yang dikenal pasti dalam objektif kajian, 1.4 (i) bagi menganalisis peranan yang dimainkan oleh institusi berkenaan dalam bidang terjemahan sastera Mahua moden.

1.9 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, diharapkan dapatan kajian ini akan menambahkan kepustakaan dalam bidang terjemahan, terutamanya dalam bidang sejarah terjemahan yang masih kurang mendapat perhatian daripada ahli akademik, para sarjana dan para penyelidik tempatan.

Disebabkan masih tiada rekod yang mengkatalogkan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden secara sistematik dan menyeluruh buat setakat ini, diharapkan juga dokumentasi penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dari tahun 1919 sehingga tahun 2021 dapat dijadikan rujukan am dalam bidang terjemahan, khususnya terjemahan yang melibatkan pasangan bahasa Cina-bahasa Melayu. Maklumat tersebut boleh dijadikan sebagai data asas untuk sebarang kajian lanjut tentang sejarah terjemahan karya sastera Mahua moden dari perspektif lain.

Tambahan pula, melalui dapatan kajian tentang motivasi yang mendorong para penterjemah bagi menterjemah karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu, diharapkan kajian ini akan menjadi asas dalam perancangan latihan penterjemah bagi pasangan bahasa Cina-bahasa Melayu. Dalam pada itu, hasil dapatan kajian tentang peranan institusi terjemahan utama diharapkan dapat membantu industri terjemahan khususnya di Malaysia dalam perancangan projek penerbitan karya terjemahan secara teratur.

Secara keseluruhan, diharapkan kajian sejarah terjemahan ini dapat mendedahkan situasi sebenar yang berlaku dalam bidang terjemahan sastera Mahua moden bagi memberikan panduan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak berkaitan dalam merangka dan membangunkan dasar dan polisi terjemahan di Malaysia.

1.10 Definisi Konsep

Takrifan untuk beberapa konsep utama yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti yang dirincikan di bawah:

1.10.1 Sejarah terjemahan

Berdasarkan definisi yang diberikan oleh Woodsworth (1998: 101), sejarah terjemahan boleh merujuk sama ada kepada amalan atau teori terjemahan, atau keduanya. Amalan terjemahan adalah bersangkutan paut dengan persoalan tentang “apa yang telah diterjemahkan, oleh siapa, bawah keadaan apa, dan dalam konteks sosial atau politik apa”, manakala teori terjemahan pula bersangkutan paut dengan ulasan terjemahan, cara penilaian terjemahan dilakukan, cadangan daripada penterjemah, serta perkara lain seperti cara terjemahan diajarkan dan perkaitan antara sesebuah wacana dengan wacana lain. Dalam konteks kajian ini, sejarah terjemahan yang dijalankan adalah mengkhusus kepada aspek amalan terjemahan, iaitu berkenaan dengan persoalan “apa yang telah diterjemahkan, oleh siapa, bawah keadaan apa, dan dalam konteks sosial atau politik apa”. Sehubungan dengan itu, lapan objek kajian sejarah terjemahan yang dicadangkan oleh D’hulst (2010), iaitu “apa, siapa, di mana,

apa jenis sokongan, mengapa, bagaimana, bila dan apa kesannya” diterokai dalam kajian ini. Yang dimaksudkan oleh objek kajian ialah perkara dan aspek-aspek yang boleh dikaji tentang sejarah terjemahan (karya sastera Mahua moden) dalam kajian ini.

1.10.2 Terjemahan sastera Mahua moden

Terjemahan sastera Mahua moden yang dimaksudkan dalam tesis ini merujuk terjemahan untuk karya yang dikarang oleh penulis Cina tempatan dalam bahasa Cina, dikenali sebagai sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu. Fang Xiu (1972: 3) mentakrifkan sastera Mahua moden sebagai sastera Cina yang dikarang dalam bahasa tulisan moden dan wujud di Malaya, termasuk Singapura dan kepulauan Borneo. Dalam hal ini, Yang Quee Yee (2014: 81-82) menerangkan bahawa sastera Mahua ialah “hasil sastera yang diciptakan oleh golongan pengarang tempatan” dan kandungannya “menggambarkan buah fikiran warga Malaysia atau mengisahkan peristiwa-peristiwa yang bersangkutan-paut dengan penduduk-penduduk Malaysia dan pemandangan tempatan”. Berkenaan dengan hal ini, Yang Quee Yee (2014: 93) memberikan penerangan lanjut bahawa “semasa Malaya masih dijajah oleh penjajah British, sastera Mahua meliputi hasil tulisan karyawan-karyawan Cina di kedua-dua wilayah Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.” Akan tetapi, sastera Xinhua telah diperkenalkan untuk merujuk hasil tulisan bahasa Cina yang dikarang di negara Singapura berikutan perpisahan Singapura dari Malaysia pada tahun 1965. Sehubungan dengan itu, terjemahan sastera Mahua moden yang dikaji dalam kajian ini merangkumi semua terjemahan yang diterbitkan di Malaysia dan terjemahan yang diterbitkan di Singapura (sehingga sebelum perpisahan Singapura dari Malaysia pada tahun 1965). Genre sastera Mahua moden terdiri daripada puisi, prosa, cerpen, novel dan drama (Goh Thean Chye, 1975).

1.10.3 Ejen / ejen terjemahan

Ejen atau ejen terjemahan ialah istilah yang digunakan secara bersilih ganti untuk merujuk individu, iaitu penterjemah; dan institusi, terutamanya penerbit, pertubuhan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat dalam usaha penterjemahan dan penerbitan terjemahan sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu, berdasarkan definisi ejen terjemahan yang diberikan oleh Milton (2006) dan Vimr (2020). Institusi yang dirujuk dalam kajian ini meliputi “penerbit, pertubuhan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan” yang terlibat dalam usaha menerbitkan terjemahan sastera Mahua moden.

1.10.4 Penterjemah Mahua

Penterjemah Mahua merujuk individu yang menterjemahkan karya sastera Mahua moden, sama ada puisi, prosa, cerpen, novel atau drama sastera Mahua moden, daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu.

1.10.5 Bidang, kapital dan ilusio

Konsep bidang, kapital dan ilusio yang diutarakan oleh Bourdieu (1986, 1987, 1990 & 1993) dijadikan sebagai asas bagi menganalisis data kajian, khususnya untuk analisis yang melibatkan ejen manusia (iaitu penterjemah dan penerbit utama yang dikaji). Secara umumnya, Bourdieu menerangkan bahawa dunia sosial ini terbentuk daripada bermacam-macam bidang, dan setiap bidang tersebut wujud hasil daripada kepelbagaian kapital yang dimiliki oleh individu yang memasuki bidang tersebut. Kapital ditakrifkan sebagai sumber-sumber yang dimiliki oleh seseorang ejen untuk bertindak dalam persekitaran sosial yang berlainan. Dalam hal ini, Bourdieu (1986:

242) membahagikan kapital kepada kapital ketara (kapital ekonomi) dan kapital tidak ketara (kapital budaya, sosial dan simbolik). Definisi bagi setiap jenis kapital tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) Kapital ekonomi – wang dan aset kebendaan lain
- (ii) Kapital budaya – tahap pendidikan, pengetahuan dan pengalaman
- (iii) Kapital sosial – rangkaian kenalan
- (iv) Kapital simbolik – status yang diperoleh atau diberikan kepada seseorang individu

Dalam konteks kajian ini, bidang yang dimaksudkan ialah bidang terjemahan karya sastera Mahua moden. Kewujudan dan operasi bidang terjemahan ini adalah terhasil daripada persaingan kapital yang dimiliki oleh ejen manusia yang memasuki bidang ini (iaitu penterjemah Mahua dan institusi, iaitu penerbit dan persatuan utama).

Seterusnya, Bourdieu (1990) menyatakan bahawa tentu adanya sebab dan sesuatu yang memotivasikan seseorang individu untuk menceburi sesebuah bidang dan bersaing dengan individu lain untuk kekal dalam bidang tersebut, dan beliau mendefinisikan komitmen ini (iaitu motivasi peribadi) sebagai *ilusio*. Dalam konteks ini, *ilusio* penterjemah Mahua merujuk motivasi peribadi yang mendorong dan menggalakkan mereka untuk menterjemahkan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu.

1.11 Organisasi Kajian

Kajian ini dipersembahkan melalui tujuh bab seperti yang berikut:

Bab 1 mengemukakan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, metodologi kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan organisasi kajian.

Bab 2 membentangkan kajian lepas, sorotan kepustakaan dan kerangka teori yang berkaitan untuk menjalankan kajian ini.

Bab 3 menghuraikan metodologi kajian dari segi kaedah dan teknik-tenik yang digunakan bagi menjalankan kajian ini, iaitu cara data dikumpulkan, disusun dan dianalisis.

Bab 4 meneliti penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu bagi tempoh tahun 1919-2021.

Bab 5 mencerakin kewujudan bidang terjemahan sastera Mahua moden melalui penerokaan terhadap faktor-faktor yang mendorong penterjemah bagi menghasilkan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu dengan menerapkan konsep bidang, kapital (termasuklah kapital ekonomi, kapital budaya, kapital sosial dan kapital simbolik) dan ilusio yang digagaskan oleh Bourdieu (1986, 1987, 1990 & 1993).

Bab 6 menganalisis peranan institusi, iaitu penerbit dan persatuan utama dalam bidang terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu berlandaskan model analisis struktur bidang penerbitan yang dikemukakan oleh Bourdieu (2017).

Bab 7 merumuskan dapatan kajian, implikasi teori dan sumbangan kajian serta memberikan cadangan kajian masa depan.